

Kepenggunaan Islam Dalam Masalah Asas Ekonomi

Basri Abd Ghani
Sayuti Abd Ghani
Jamal Ali

Aktiviti penggunaan merupakan aspek penting dalam tiga bidang utama ekonomi iaitu selepas aktiviti pengeluaran dan pengagihan. Tanpanya aktiviti penggunaan akan tergugat. Dalam ekonomi konvensional meletakkan analisis positif sebagai method bagi menyelesaikan masalah asas ekonomi yang wujud dikalangan masyarakat. Islam bertindak secara serentak antara analisis positif dan normatif.

Mukadimah

Aspek kepenggunaan adalah merupakan aktiviti kemasyarakatan, walau apa pun asas ideologinya. Ianya berhajatkan satu mekanisme tertentu dalam melaksanakan tugas pengeluaran yang rumit. Namun demikian, penyelesaian Islam agak berbeza daripada penyelesaian ekonomi pasaran dan ekonomi perancangan pusat. Walaupun penggunaan berkait rapat dengan keberkesanan pengeluaran dan pengagihan. Maka persoalan ***untuk siapa barangan dan perkhidmatan harus dikeluarkan?***, mesti ditentukan terlebih dahulu. Soalan-soalan lain yang berkaitan iaitu, ***apakah jenis barangan dan perkhidmatan yang akan dikeluarkan?***, manakala ***bagaimana ianya harus dikeluarkan?***, hendaklah ditentukan kemudian. Ini adalah kerana al-Quran begitu menitikberatkan kebijakan golongan miskin dan dengan demikian persoalan pengagihan merupakan inti aktiviti ekonomi. Lantaran itulah kepenggunaan sebenarnya tidak dapat mengelak daripada satu amanah yang tertakluk kepada ketentuan Ilahi. Oleh itu manusia dapat mengawal sifat dan kehendak yang tidak terbatas secara terpinpin, berpandukan kepada peraturan dan kawalan-kawalan syarak.

Metodologi dan Masalah Asas Ekonomi.

Metodologi menjadi asas penting dalam menentukan kaedah ekonomi Islam dikendalikan, terutama dalam konteks pembangunan satu teori ekonomi yang berasaskan nilai, supaya dapat mempengaruhi arah polisi dalam sesebuah ekonomi Islam. Jesteru kedudukan ekonomi Islam dibahaskan sama ada ianya satu sains positif, normatif atau kedua-duanya sekali. Namun pada asasnya dalam ekonomi Islam aspek-aspek normatif dan positif saling berkait dan sebarang pemisahan adalah bertentangan dengan ajaran Islam itu sendiri.

Analisis Positif.

Kaedah ini menjelaskan bahawa kebenaran ilmu itu memerlukan asas dari fakta kenyataan atau pengalaman. Dengan itu kebenaran sesuatu pandangan atau pendapat atau hypothesis hanya berpunca dari fakta-fakta kenyataan melalui proses induksi dan deduksi. Di sini tidak timbul penglibatan nilai dan ideologi kerana kenyataannya bersumber dari hukum alam tabii (Sunnatullah). Oleh itu ekonomi konvensional adalah jelas meletakkan analisis positif sebagai kajian bagi menyelesaikan masalah-masalah asas

ekonomi. Iaitu masalah-masalah ekonomi dalam bentuknya yang sedia ada. Ini berdasarkan pandangan Bernardo M. Villages¹, menyatakan ekonomi positif ialah : *Analysis of the effects of changes in economic conditions on economic variables.*

Pada asasnya ahli-ahli ekonomi moden berpendapat bahawa masalah-masalah asas ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat adalah seperti berikut :-

1. Apakah jenis barangan dan perkhidmatan yang harus dikeluarkan dan banyak mana ?
2. Bagaimana hendak dikeluarkan?
3. Untuk siapa ianya dikeluarkan?

Penyelesaian kepada masalah-masalah di atas boleh dikaji menerusi analisis positif ataupun normatif. Analisis positif adalah satu kaedah yang memperkatakan bahawa kebenaran ilmu memerlukan asas dari akal dan fakta kenyataan tanpa mengambil kira nilai baik atau buruk. Ia hanya bergantung kepada fakta-fakta kenyataan yang bersumber hukum tabii. Ketepatan menjadi ciri terpenting dalam kajian sepertimana terhasilnya satu-satu ciptaan baru sains. Sifat ini mendapat tempat di kalangan ahli ekonomi neoklasik. Mereka inginkan masalah ekonomi serta saranan penyelesaiannya berasaskan beberapa andaian gelagat manusia. Namun begitu penggunaan kaedah positif terhadap gelagat manusia adalah sukar kerana tindakbalas manusia berbeza dengan sampel-sampel ujian sains.

Kaedah ini juga menjadi sukar kepada pembentuk teori ekonomi Islam yang ketiadaan data atau kenyataan kebenaran sebarang hipotesis mengenainya. Misalnya syariat Allah S.W.T belum dilaksanakan sepenuhnya. Akibatnya hipotesis yang menegaskan keupayaan institusi zakat mengurangkan kemiskinan serta memesatkan pertumbuhan ekonomi hanya dianggap *perceived reality*, sekiranya masyarakat Islam yang sejati tidak wujud, untuk dijadikan bahan kajian kepada hipotesis².

Analisis Normatif

Kaedah ini mengemukakan peranan nilai dalam proses pembentukan teori. Soal-soal prinsip dan falsafah diketengahkan. Bertepatan dengan pandangan Richard B. Mckenzie dalam bukunya *Microeconomics*³, iaitu :

Normative economics, that branch of economic inquiry that deal with value judgements.

Oleh itu ia berkeupayaan membangkitkan persoalan kemanusiaan dan keadilan dalam proses modeling kegiatan sosio-ekonomi masyarakat terutama melibatkan isu-isu kepentingan umum. Sebagai contoh, kenyataan kadar inflasi sebanyak 10%, adalah satu kenyataan positif, tetapi kalau diulas bahawa kadar inflasi di luar bandar amat buruk serta satu kezaliman pada masyarakat maka bertukar menjadi kenyataan normatif.

Dalam Islam, umumnya pendekatan terhadap kegiatan ekonomi adalah bersifat normatif. Ini adalah kerana Islam pada dasarnya telah menggariskan prinsip-prinsip yang berteraskan nilai dalam mempengaruhi gelagat pengguna⁴.

¹ Bernardo M. Villages, (1983), *Economic for the Consumer*, Sinag-Tala Publishers Inc., Manila h. 13

² Saiful Azhar Rosly (1992), 'Islam dan Masalah Asas Ekonomi : Pengeluaran, penggunaan dan pengagihan. (Kertas Prosiding, Sekolah Ekonomi dan Pentadbiran Awam di Universiti Utara Malaysia), h. 20.

³ Richard B Mckenzie(1896),*Microeconomics*,Houghton Mifflin Company,Boston,USA, h. 13.

⁴ Saiful Azhar Rosly (1992), op.cit.

Akal dan kenyataan, fakta hanya alat untuk memahami nilai al-Quran. Namun, mengikut M. A Manan¹, al-Qur'an dan Sunnah juga turut mengemukakan kenyataan yang berbentuk positif tanpa boleh memutuskan sama ada ekonomi Islam itu sains positif atau normatif. Sebarang pengasingan adalah bertentangan dengan matlamat Islam yang sebenarnya. Inilah methodologi yang praktikal dalam memahami gelagat sebenar manusia dalam kegiatan ekonomi.

Berasaskan penghuraian di atas, masalah asas pertama, dilihat dari perspektif Islam harus dimulakan dari sudut normatif tanpa mengeneipkan aspek positif. Pengguna Muslim yang berpandukan citarasa dan nilai al-Qur'an bakal menentukan konsep barangan dan perkhidmatan serta jumlah yang diperlukan dalam ekonomi Islam.

Konsep Barangan dan Perkhidmatan

Berdasarkan teori ekonomi konvensional, barangan, boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang mempunyai nilai ekonomi². Manakala perkhidmatan ialah, melaksanakan sebarang urusan utama bagi memudahkan aktiviti pengeluaran dan pengagihan³. Manakala kehendak-kehendak manusia dalam ekonomi hanya tertumpu kepada barangan ekonomi iaitu sesuatu yang melibatkan kos serta mempunyai nilai dalam pasaran⁴.

Mengikut sistem Ekonomi Islam, konsep barangan dan perkhidmatan tidak sahaja ditumpukan kepada barangan ekonomi tetapi meliputi juga kehendak kerohanian yang turut mempengaruhi peruntukan sumber. Ini bermakna bahawa kehendak kerohanian terlaksana apabila kehendak ekonomi dipenuhi berasaskan nilai-nilai agama dan menghasilkan individu ekonomi Islam yang baik, tidak lalai dan angkuh dalam aktiviti penggunaan. Sekaligus memastikan proses peruntukan sumber yang optimum serta suasana sosio-ekonomi yang harmonis⁵.

Monzer Khaf telah menggunakan pendekatan konsep barangan dengan istilah, *al-Tayyibat* dan *al-Rizq*. *Al-Tayyibat* ialah barangan baik dan berkembang⁶ manakala *al-rizq rizq* bererti anugerah dan pemberian Allah⁷. Yusuf Ali menggunakan secara tukar ganti lima kalimah yang berbeza iaitu *good thing*, *good and pure thing*, *clean and pure things*, *good an wholesomething*⁸ dan *sustenance of the best*, yang merujuk kepada barangan baik, suci, bersih, menyihatkan serta penting untuk penghidupan. Oleh itu barangan pengguna adalah berkait dengan nilai serta konsep kesucian dan kebaikan di dalam Islam, sebaliknya barangan yang buruk, tidak suci dan tidak berguna tidak dianggap sebagai barangan⁹.

¹ M.A Manan (1985), *Ekonomi Islam : Teori dan Praktis*, Radiah Abd Kader (terj.) Kuala Lumpur: A. S Noordeen., h. 25

² Webster's Third New International (1976), USA : *Dictionary Merriam – Webster INC*. h. 978

³ Ibid

⁴ Wallace C. Peterson (1978), *Income Employment and Economic Growth*, New York : W.W Norton Company, h. 1

⁵ Monzer Khaf (1982), *Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur : Perkim, h.29

⁶ Ahmad al'Ayid (1989), *al-Mu'jam al-Arabi@ al-Asasi@ Mesir* : al -Mantiqah al-'Arabiyyah li-tarbiyyah wa thaqafah wa al-'ulum.

⁷ Ibid

⁸ Yusuf Ali Abdullah (1975), *The Translation of the Holy Quran*, Washington D.C : The Muslim Students Association of the USA & Canada, h. 31, 231, 318 dan 808

⁹ Dr. Monzer Kahf (1978), *Ekonomi Islam : Suatu Kajian Mengenai Perjalanan Sistem Ekonomi Islam*, Dr. Ismail Salleh (terj.), Kuala Lumpur : Penerbitan Adabi Sdn. Bhd., h. 28

Istilah *al-Rizq* dimaksudkan sebagai *Godly sustenance, Divine bestowal, Godly Provision, dan heavenly gifts*¹. Kesemuanya membawa erti bahawa Allah S. W.T sebenarnya Penjaga dan Penyedia bagi semua makhluk.

Secara jelas dalam Islam bahawa barangan pengguna adalah barangan boleh guna, berfaedah serta membawa kebaikan kepada kebendaan, moral dan kerohanian pengguna. Manakala barangan yang tidak mempunyai sebarang kebaikan dan tidak membantu membaiki keadaan manusia tidak dianggap sebagai barangan, harta benda atau aset bagi orang Islam. Dalam ekonomi moden nilai barangan ditumpukan kepada konsep utiliti serta mendapat tempat di pasaran².

Tambahan pula perbuatan mengguna barangan yang baik itu sendiri adalah dianggap sebagai satu kebajikan di dalam Islam. Ini adalah kerana menikmati apa yang telah Allah ciptakan untuk umat manusia merupakan ibadat kepadanya, berdasarkan firman Allah yang bermaksud :

“ Dan makanlah makanan-makanannya yang banyak lagi baik di mana saja yang kamu sukai³ ”.

Orang-orang beriman menggunakan kurniaan Allah yang berupa barangan dan perkhidmatan untuk mendapat keredaannya, di samping kepuasan diri sendiri. Allah tidak melarang kita menikmati kurniaannya selagi tidak membawa kerosakkan diri sendiri dan orang lain.

Jenis Barangan dan Perkhidmatan

Dalam ekonomi moden, unsur kepentingan diri menjadi dorongan bagi pengguna membuat pilihan. Motif ini dianggap suatu yang normal dan berkepentingan umum. Oleh itu, pemilihan jenis barangan dan perkhidmatan adalahlah berasaskan harga, pendapatan dan pilihan alternatif barangan dan perkhidmatan yang ada.³ Apabila harga barangan berkurangan, *ceteris paribus*, pengguna akan membeli lebih banyak barangan yang mengalami penurunan harga dan barangan lain. Dalam teori utiliti, keadaan ini dipanggil kesan pendapatan. Kesan penggantian pula dinyatakan apabila pengguna menggantikan penggunaan barangan yang mengalami kenaikan harga dengan barangan pengganti yang tidak mengalami perubahan lebih rendah dari segi harga.

Dalam Ekonomi Islam, pemilihan jenis barang dan perkhidmatan berasaskan matlamat pengguna Muslim itu sendiri. Matlamat-matlamat itu adalah seperti berikut⁴ :

1. Memenuhi keperluan hidup secara sederhana.
2. Penghindaran penggunaan barangan yang dilarang.
3. Penggunaan barangan ekonomi yang tidak boros, berlebihan dan membazir.

Penggunaan serta kepuasan yang terhasil tidak menjadi matlamat akhir bagi pengguna. Ia hanya menjadi alat atau asas kepada pencapaian kepuasan yang hakiki di akhirat.

Apabila matlamat pengguna seperti di atas telah dipastikan, pengguna Islam perlulah mengatur pilihan secara konsisten berdasarkan syariah. Iaitu pilihan yang sepatutnya diberikan keutamaan dengan mendahulukan barangan *daruriyyat*, diikuti *tahsiniyyat* dan *kamaliyyat*. Ini penting bagi tindakan gelagat pengguna Muslim melaksanakan aktiviti penggunaan secara tersusun dan teratur sebagaimana yang dikehendaki syariat.

¹ Yusuf Ali (1975), op. cit. h. 31

² Ibid.

³ Surah al-baqarah., 2 : 35

³ Case Karl E. et al. (1999), *Principles of Economics*, New Jersey : Prentice Hall, h. 38

⁴ Suratahman Kastin Hasan (1996), *Ekonomi Islam*, Shah Alam : Malindo Printers Sdn. Bhd., h.29.

Klasifikasi Keperluan Manusia Dalam Perspektif Konvensional.

Barangan dan perkhidmatan yang dikehendaki manusia terbahagi kepada beberapa kategori. Ahli ekonomi konvensional pada abad ke-19 seperti Marshall¹ dan penulis-penulis terkemudian seperti Bhende dan Fernando² membahagikan kategori ini kepada keperluan asas, keperluan untuk keselesaan dan kemewahan. Keupayaan untuk memenuhi tingkatan tertentu keperluan-keperluan ini mempunyai kaitan rapat dengan status ekonomi seseorang itu. Ini diperjelaskan oleh Adam Smith³ “*Ukuran kaya atau miskin seseorang itu adalah berdasarkan kepada darjah kemampuannya menikmati keperluan-keperluan asas, keselesaan dan hiburan*”.

Perincian mengenai tingkatan keperluan-keperluan di atas seperti yang terdapat dalam tulisan-tulisan ekonomi konvensional adalah dilihat seperti berikut :

1) Keperluan asas

Ini merupakan kehendak primer seseorang manusia. Tanpa keperluan asas ini, seseorang itu tidak berupaya untuk hidup secara sempurna malah mungkin tidak dapat meneruskan kehidupannya. Ia lebih merupakan keperluan biologikal manusia. Hyman⁴, telah memasukkan 2 lagi keperluan, yang tidak termasuk dalam pasaran barangan dan perkhidmatan tetapi diperlukan dalam keperluan kehidupan. Keperluan tersebut ialah perkhidmatan pendidikan dan perlindungan keselamatan yang dibekalkan oleh kerajaan.

2).Keperluan untuk keselesaan

Tahap ini merujuk kepada perkara-perkara yang boleh mendatangkan keselesaan dalam kehidupan. Ia menjadikan kehidupan lebih selesa seperti kemudahan kipas angin, set sofa di ruang tamu dan sebagainya.

3).Keperluan barang-barang mewah.

Keperluan ini merujuk kepada barangan yang mahal-mahal. Golongan yang berada biasanya menikmati barangan seperti ini, sebagai lambang kemegahan dan kedudukan dalam masyarakat. Harga barangan ini amat mahal berbanding dengan manfaat yang dimiliki oleh pemiliknya. Bahkan pengorbanan perbelanjaan terhadap barangan tersebut adalah melebihi kepuasan yang diperolehi daripada barangan atau perkhidmatan yang berkenaan⁵.

Jelas dalam ekonomi konvensional, tahap keperluan asas merupakan kehendak primer dan tahap keperluan keselesaan serta kemewahan biasanya dianggap kehendak sekunder. Sebaliknya kemampuan manusia memiliki keperluan tersebut bergantung kepada status seseorang.

Dari perspektif ekonomi Islam, tahap-tahap keperluan manusia turut diberi perhatian yang serius oleh ahli-ahli ekonomi Islam. Perbincangan tentang perkara ini dapat dilihat dalam tulisan Afzal-ur Rahman⁶ Anas Zarqa¹, M. A. Manan² dan lain-lain.

¹ Alfred Marshall (1890), *Principles of Economics*, London : The English Language Book Society and Macmillan & Co. Ltd., h.56

² Bhende, Subhash and Fernando, A.C (1975), *Introduction to Economics*, Delhi : Vikas Publishing House Put Ltd., h 25-27

³ Adam Smith (1776), op.cit. h.30

⁴ Hyman, David N (1997), *Economics*, Fourth edition, Chicago : Irmin, h. 12

⁵ Alfred Marshall (1890), op. cit.

⁶ Afzal-ur Rahman (1985), *Economic Doctrines of Islam*, Lahore : Islamic Publications Ltd. h. 18-27

lain. Pembahagian barangan keperluan manusia mengikut penulis-penulis di atas boleh dilihat dalam beberapa kategori. Umpamanya M. A Manan³ dan Muslehuddin⁴ hanya membahagikan tahap dan barangan keperluan kepada tiga, iaitu barangan keperluan asas, barangan keselesaan dan barangan mewah. Afzalul-ur Rahman⁵, membahagikannya kepada empat iaitu barangan keperluan asas, barang keperluan kecekapan, barang keselesaan dan barangan mewah. Sadeq⁶ pula membahagikan kepada lima kategori iaitu barangan keperluan hidup, keperluan asas, barangan keselesaan, barangan mewah dan barangan membahayakan.

Pembahagian yang dibuat oleh penulis-penulis ekonomi Islam di atas bukanlah merupakan satu pertentangan tetapi hanya berupa pembahagian yang saling melengkapi. Ini jelas bahawa keutamaan pengguna dalam berbelanja adalah sekadar tahap keperluan *tahsiniyyat* / *kamaliyyat* dan perbelanjaan lebih daripada tingkat ini adalah tergolong dalam perbelanjaan yang membazir atau perbelanjaan yang merugikan.

Jumlah Barangan dan Perkhidmatan

Dalam sistem ekonomi Islam penentuan jenis dan jumlah barangan yang dikeluarkan bukan hanya tertumpu kepada pengguna tetapi juga kerajaan. Ini penting supaya pencapaian permintaan dan penawaran sentiasa berasaskan kepentingan *daruriyyat*, *tahsiniyyat* dan *kamaliyyat* iaitu secara teratur mengikut syariat. Peranan kerajaan dalam proses peruntukan sumber ialah menentukan peruntukan bagi pengeluar barangan dan perkhidmatan yang bersifat *daruriyyat* di samping mengelak daripada peruntukan ke atas barangan *tarafiyyat* atau pembaziran. Berdasarkan kenyataan di atas maka satu konsep keluk kemungkinan pengeluaran (kkp) boleh dibentuk bagi memperjelaskan tentang persoalan banyak mana jumlah atau komposisi barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi.⁷

¹ Anas a-Zarqa, (1980), 'Islamic Economics : An Approach to Human Welfare', dalam Khurshid Ahmad (ed), *Studies in Islamic Economics.*, United Kingdom : The Islamic Foundation, h. 13-18.

² Muhammad Abdul Manan, (1986), *Islamic Economics : Theory and Practice (Foundation of Islamic Economics)*. U. K. : Hodder and Stoughton. h. 17-19

³ Ibid


⁴ Dr. Muhammad Muslehuddin (1982), *Morality – Its concept and Role in Islamic order*. Delhi : Taj Company. H. 58-59

⁵ Afzal-ur Rahman (1985), *Economic Doctrines of Islam*, Lahore : Islamic Publications (Put.) Ltd. h. 18-27

⁶ Dr. Abul Hassan Muhammad Sadeq (1990), *Economics Development in Islam*, Petaling Jaya, Publications h. 32

⁷ Keluk ini boleh dilihat dalam Saiful Azhar Rosly (1986), 'Penggunaan' (Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, Kulliyah Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Julai-Disember 1986), h.11

Rajah 1- Keluk Kemungkinan Pengeluaran.



Dengan andaian, sumber-sumber serta keadaan teknologi yang tetap pada masa tertentu, kelok kemungkinan pengeluaran ialah AB,. Sesebuah ekonomi Islam yang mempunyai penduduk yang ramai, kemungkinan kombinasi terletak di titik K, di mana kepentingan umum diberi perhatian tinggi. Ini bermakna sebahagian besar dari sumber-sumber diperuntukkan bagi pengeluaran *daruriyyat*. Hanya sedikit barangan *tahsiniyyat* dan *kamaliyyat* dikeluarkan.

Bagi sesebuah ekonomi yang penduduknya kecil, kemungkinan kombinasi barangan dan perkhidmatan terletak pada titik M. Pada ketika ini sebahagian kecil sumber diperuntukkan bagi pengeluaran *daruriyyat* dan selebihnya ditumpukan kepada keselesaan. Kombinasi di titik A dan B menunjukkan sumber yang *extreme* dan tidak realistik. Ini disebabkan adalah mustahil sesebuah negara hanya mengeluarkan barangan asas semata-mata tanpa memberi kebebasan pada penduduk yang mampu memiliki barangan melebihi tahap *daruriyyat*. Atau pun semata-mata barangan *tahsiniyyat* dan *kamaliyyat* tanpa keperluan barangan asas *daruriyyat* yang mustahak untuk kehidupan dan survival ummah.

Kesan Penggunaan ke Atas Corak Pengeluaran.

Penentuan pengeluaran sebahagiannya adalah dipengaruhi oleh corak penggunaan. Penyesuaian penggunaan yang berlaku hasil pengambilan unsur-unsur Islam akan sedikit sebanyak mempengaruhi corak pengeluaran. Pengeluar akan bertindak mengeluarkan barangan dan perkhidmatan serta memperuntukkan sumber-sumber bagi pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang diminta oleh pengguna.

Kesan penggunaan Islam ke atas corak pengeluaran ini telah dirumuskan oleh Siddiqi¹ sebagai berikut :

1. Barangan dan perkhidmatan yang terlarang sudah tidak lagi diminta oleh pengguna, maka pengeluaran dan peruntukan sumber ke atas pengeluaran tersebut menjadi kosong.

¹ Muhammad Nejatullah Siddiqi(1979), *The Economic Enterprise in Islam*. Lahore : The Islamic Publications, Ltd. h. 101

2. Berikutan dari berkurangnya jenis dan kuantiti barangan mewah yang diminta, maka pengeluarannya juga jatuh dan peruntukan sumber ke atasnya akan turut berkurangan.
3. Berkembangnya industri keluaran barangan keperluan asas dan barangan kesenangan *comforts* yang utama. Peruntukan sumber akan mengalir ke atas pengeluaran barang-barang tersebut.
4. Lebih banyak sumber ekonomi khususnya daya cipta buruh dan kebolehan-kebolehan lain akan diarahkan kepada pengeluaran barangan dan perkhidmatan keperluan awam.
5. Bertambahnya permintaan ke atas masa lapang, dan kerja-kerja di luar bidang pengeluaran, akan menjadikan penawaran buruh, khususnya tenaga mental dan tenaga kidmatnya bagi yang berada pada kumpulan berpendapatan tinggi akan jatuh.

Di samping pengaruh penggunaan, corak pengeluaran itu sendiri pun mengalami perubahan dengan adanya pengambilan dan pengalaman unsur-unsur Islam yang dilakukan oleh pengeluar-pengeluar. Corak pengeluarannya bukan sahaja mengikuti kehendak pengguna tetapi juga lahir dari kesedaran dan semangat keislaman yang wujud dalam diri pengeluar. Di antara corak pengeluaran yang boleh berlaku adalah seperti berikut :¹

1. Produk yang mengganggu dan merbahaya kepada kesihatan fizikal dan rohani tidak akan dikeluarkan kerana ia terlarang.
2. Produk yang boleh merosakkan nilai-nilai akhlak dan kemanusiaan jua tidak dikeluarkan
3. Produk yang boleh meruntuhkan maruah dan kesejahteraan manusia ditegah dikeluarkan.
4. Produk yang boleh membawa manusia kepada kejahatan, dosa juga tidak dikeluarkan.
5. Hanya Produk yang baik, suci, berkualiti, membawa kesejahteraan ramai dan meningkatkan nilai-nilai kemanusiaan saja yang perlu dipergiatkan sebagai memenuhi tuntutan fardu kifayah.

Kesederhanaan dalam Penggunaan

Islam mengutamakan kesederhanaan dalam semua aktiviti ekonomi. Namun Islam menegah pertapaan serta bertindak keras dengan amalan pembaziran dan pemborosan. Allah berfirman yang bermaksud :

*“Makanlah serta minumlah kamu, jangan pula kamu melampau-lampau, sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas “.*²

Islam menginginkan kesamaan sosial dan persaudaraan. Oleh itu apa-apa perbelanjaan penggunaan untuk memamerkan kebesaran dan keistimewaan, angkuh yang melebarkan jurang golongan kaya dan miskin, ini adalah ditegah oleh Islam.³

¹ Surtahman Kastin Hasan(1990), *Ekonomi Islam*, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 39.

² Surah al-Araaf, 7 : 31

³ M. Umer Chapra (1990), *Ke arah Sistem Kewangan Yang Adil*, Ismail Omar (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.20

Langkah Mewujudkan Kesederhanaan

Islam mengemukakan kaedah yang praktikal untuk mendidik pengguna Muslim memelihara keharmonian dalam sistemnya. Pengubahan sikap mementingkan diri pengguna dengan menyelaraskan keperluan-keperluan rohani dan ekonomi. Langkah-langkah berikut diutarakan :

Pendidikan Akhlak

Melatih pengguna Muslim memahami akhlak Islam dalam usaha mewujudkan perasaan kerjasama, kasih sayang, bantu membantu serta lindung-melindungi. Ianya dipancarkan daripada keyakinan kepada Allah bahawa segala harta kekayaan adalah kurniaan Allah untuk digunakan secara bersama dengan adil serta memenuhi keperluan sewajarnya.

Allah Menjaminkan Rezeki

Pengguna Muslim dibentuk keimanannya bahawa penjaga alam dan penghuninya serta pengurniaan rezeki adalah Allah. Manusia tidak perlu bimbang dengan kekurangan rezeki serta tidak menjadi angkuh ketika dalam kemewahan. Jurang perasaan dengki khianat dapat dihindarkan. Allah memperjelaskan dalam firmanNya yang bermaksud :

*“ Dan (ingatlah) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu, dan Dialah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui ”.*¹

Konsep yang Mulia

Islam membentuk satu konsep yang mulia bagi individu pengguna Muslim untuk mengelak daripada menjadi haiwan ekonomi, yang hidup semata-mata hidup untuk makan. Sedangkan tanggungjawab manusia di bumi bukan semata menikmati kepuasan makan dan minum tapi juga berusaha mengajak diri dan individu lain melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Berdasarkan firman Allah yang bermaksud :

*“ kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).”*²

Budaya Kendiri.

Kesalahan dan ketidakadilan manusia berpunca daripada irihati manusia itu sendiri. Misalnya sifat tamak haloba boleh diselamatkan melalui pendidikan akhlak dan latihan amali. Kehendak manusia dapat dijurus kepada keperluan yang sebenar bukannya keperluan yang diada-adakan. Walaupun keperluan ekonomi manusia berbagai-bagai dapat diminimalkan sehingga menjadi lebih praktikal dan nyata di samping perasaan takut kepada kemiskinan dapat dihilangkan dari kebimbangan manusia.

Al-Quran menyifatkan ketakutan kepada kemiskinan adalah suatu hasutan syaitan sebagaimana firman Allah S. W.T yang bermaksud :

¹ Surah al-Ankabut, 29 : 60.

² Surah al- ‘Ali Imran, 3 : 110

“ Syaitan itu menjanjikan (menakut-nakutkan) kamu dengan kemiskinan dan kepapaan (jika kamu bersedekah dan berderma) “¹.

Pendidikan Infaq

Bagi menjaga nilai-nilai kesederhanaan dalam masyarakat Islam, suatu aturan perbelanjaan terhadap lebih harta. Terutama individu yang mempunyai harta yang berlebihan agar diagihkan kepada mereka yang kurang bernasib baik. Ianya akan membawa kebaikan, keadilan serta kebajikan kepada umum. Lazimnya undang-undang pihak berkuasa akan mengambil bahagian tertentu daripada zakat secara sukarela atau infaq-infaq sunat, amal jariah dan sebagainya.

Implikasi Kesederhanaan

Oleh kerana neraca kesederhanaan di dalam Islam berasas panduan *al-Quran*, *al-Hadis*, *Ijmak*, *Qias* serta '*Uruf* sesuatu masyarakat. Implikasi kesederhanaan penggunaan dapat memberi kesan-kesan berikut :

Penggunaan Secara Sistematik

Pengguna muslim berasaskan permintaan serta kuasa beli yang ada semestinya menggunakan barang asas terlebih dahulu. Barangan asas memastikan survival hidup terlaksana. Tanpanya urusan penghidupan terjejas. Peningkatan kepada barangan yang kedua iaitu *tahsiniiyyat* adalah dibenarkan jika mempunyai kemampuan kerana ingin meningkatkan sedikit kualiti hidup. Bahkan sekiranya kemampuan makin meningkat permintaan barangan *kamaliyyat* sewajarnya mengikut uruf masyarakat yang dibenarkan.

Keberkesanan Pengagihan

Aspek penggunaan merupakan aktiviti ekonomi yang tidak dipisahkan daripada analisis positif dan normatif. Namun ekonomi konvensional mengagungkan pendekatan positif semata-mata berbanding analisis normatif yang dianggap tidak berfaedah kerana sukar untuk dibuktikan dan tidak rasional.

Berbanding sistem ekonomi Islam yang meletakkan aspek nilai dalam membentuk gelagat pengguna yang sebenar. Begitu juga kedudukan sesuatu barangan dan perkhidmatan berasaskan nilai agama. Kalau ianya halal, baik dan tidak memudharatkan dibenarkan dikeluarkan serta digunakan jika sebaliknya ia ditegah sama sekali. Semua ini mengambil kira keperluan, kepentingan serta pengaruh etika serta akhlak kepada masyarakat. Manakala jumlah sesuatu barangan dan perkhidmatan dipertekankan agar mengambil kira soal prioriti serta peruntukan sumber yang ada.

Dasar keadilan dalam hak memiliki kekayaan adalah untuk kesejahteraan masyarakat. Ia mampu berlaku apabila industri penggunaan bergerak secara sederhana. Langkah ini membantu golongan miskin mendapatkan haknya. Ini berlaku apabila pengagihan secara Islam meletakkan asas pengagihan primer sebagai dasar pertama iaitu memberi peluang kepada yang terlibat secara langsung dalam pengeluaran. Manakala dasar pengagihan sekunder memberi penekanan kepada mereka yang tidak terlibat secara langsung dalam pengeluaran. Ia diagihkan oleh negara sebagai pembiayaan golongan miskin.

¹ Surah al-Baqarah, 2 : 268

Mengawal Inflasi

Kesederhanaan penggunaan juga mampu menyelesaikan masalah inflasi terutama inflasi tarikan permintaan. Pengguna walaupun berkemampuan meminta berbagai jenis barangan kerana kuasa beli yang tinggi yang mereka miliki. Namun apabila berlaku kesederhanaan dalam penggunaan, pengguna Muslim tidak lagi melayani kehendaknya yang melampau-lampau.

Ini berdasarkan peringatan yang bermaksud :

“...*Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan melampau-lampau*”¹

Keadaan ini berkeupayaan membantu negara menggerakkan semula pertumbuhan ekonomi.

Meningkatkan Tabungan

Aktiviti penggunaan yang sederhana juga mampu menarik penawaran barangan dan perkhidmatan yang sederhana. Ini berlaku apabila setiap penawaran berdasarkan permintaan yang ada. Kesederhanaan di dalam Islam adalah mudah iaitu apabila pengguna dapat mengekalkan secara konsisten permintaan barangan dan perkhidmatan yang asas (*daruriyyat*) kesenangan (*tahsiniyyat*) dan mewah (*Kamaliyyat*). Keadaan ini mempengaruhi individu pengguna untuk meningkatkan tabungan secara tidak langsung kuasa beli orang miskin juga meningkat dan turut membantu pertumbuhan ekonomi negara terutama dalam industri pengeluaran.

Membantu Golongan Daif

Pengeluaran barangan dan perkhidmatan mestilah berdasarkan keutamaan. Pengeluar muslim akan bertindak mengeluarkan barangan dan perkhidmatan *daruriyyat* sebelum barangan *tahsiniyyat* dan *kamaliyyat*. Ini memberi peluang golongan miskin memenuhi keperluan-keperluan mereka terlebih dahulu sebelum barangan lain.

Meningkatkan Persamaan Sosial

Kesederhanaan dalam penggunaan menjamin persamaan sosial dalam masyarakat. Terutama bantuan golongan kaya yang berpendapatan tinggi kepada golongan miskin dapat merapatkan jurang perbezaan antara mereka. Pengguna Islam tidak mementingkan golongan yang mempunyai kedudukan sosial yang tinggi sahaja. Oleh itu rasa persamaan hanya wujud dalam konteks penggunaan secara Islam

Kesimpulan

Aspek penggunaan merupakan aktiviti ekonomi yang tidak dapat dipisahkan daripada analisis positif dan normatif. Namun ekonomi konvensional mengagungkan pendekatan positif semata-mata berbanding analisis normatif yang dianggap tidak berfaedah kerana sukar untuk dibuktikan dan tidak rasional.

¹ Surah al-Isra', 17 : 26

Sistem ekonomi Islam meletakkan aspek nilai positif dan normatif secara serentak dalam membentuk gelagat pengguna yang sebenar. Begitu juga kedudukan sesuatu barangan dan perkhidmatan adalah berasaskan nilai agama. Kalau ianya halal, baik dan tidak memudharatkan boleh dikeluarkan serta digunakan tetapi jika sebaliknya ia ditegah sama sekali. Semua ini mengambil kira keperluan, kepentingan serta pengaruh etika dan akhlak kepada masyarakat. Manakala jumlah sesuatu barangan dan perkhidmatan dipertekankan agar mengambil kira soal keutamaan serta peruntukan sumber yang sedia ada.

Dalam aspek penggunaan, faktor kehendak manusia dikawal agar pengguna menggunakan sesuatu barangan dan perkhidmatan selaras dengan kehendak syariah. Oleh itu manusia tidak lagi melayani kehendak mereka sewenang-wenangnya. Situasi tersebut membolehkan faktor-faktor pengeluaran yang terlibat diolah secara lebih cekap dan beretika. Secara tidak langsung keadaan tersebut melahirkan pengguna yang sederhana, sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila mereka membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut, dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”¹

Kesederhanaan aktiviti penggunaan dalam Islam dapat bertahan secara berterusan selama keutamaan tahap-tahap keperluan *daruriyyat* (keperluan asas) *hajiyyat* (keperluan kecekapan), *tahsiniyyat* (keperluan senang) dan *kamaliyyat* (barangan mewah) dikekalkan.

Rujukan

Bernardo M. Villages, (1983), *Economic for the Consumer*, Sinag-Tala Publishers Inc., Manila.

Saiful Azhar Rosly (1992), *Islam dan Masalah Asas Ekonomi : Pengeluaran, penggunaan dan pengagihan*. (Kertas Prosiding, Sekolah Ekonomi dan Pentadbiran Awam di Universiti Utara Malaysia).

Richard B Mckenzie (1896), *Microeconomics*, Houghton Mifflin Company, Boston, USA, .

Richard B Mckenzie (1896), *Microeconomics*, Houghton Mifflin Company, Boston, USA.

Webster's Third New International (1976), USA : *Dictionary Merriam – Webster INC*.

Wallace C. Peterson (1978), *Income Employment and Economic Growth*, New York : W.W Norton Company.

Monzer Khaf (1982), *Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur : Perkim.

Ahmad al' Ayid (1989), *al-Mu'jam al-Arabi@ al-Asasi@ Mesir* : al -Mantiqah al-'Arabiyyah li-tarbiyyah wa thaqafah wa al-'ulum.

Yusuf Ali Abdullah (1975), *The Translation of the Holy Quran*, Washington D.C : The Muslim Students Association of the USA & Canada, h. 31, 231, 318 dan 808

Dr. Monzer Kahf (1978), *Ekonomi Islam : Suatu Kajian Mengenai Perjalanan Sistem Ekonomi Islam*, Dr. Ismail Salleh (terj.), Kuala Lumpur : Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.

Alfred Marshall (1890), *Principles of Economics*, London : The English Language Book Society and Macmillan & Co. Ltd.

Bhende, Subhash and Fernando, A.C (1975), *Introduction to Economics*, Delhi : Vikas Publishing House Put Ltd.

BASRI BIN ABD. GHANI, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA, Perlis

SAYUTI BIN ABD.GHANI, Universiti Pertahanan Malaysia

JAMAL BIN ALI, Universiti Utara Malaysia